



Ruj. Kami : JPWPKL.600-4/2/1 (99)  
Tarikh : 18 Mac 2025

**Pengetua/Guru Besar  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Tuan,

**SIARAN 1: KEJOHANAN AKUATIK MAJLIS SUKAN SEKOLAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (MSSWPKL) 2025 #JEJAKJUARAKL**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Unit Pembangunan Bakat Murid (UPBM), Sektor Pembangunan Murid (SPMu), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) dengan kerjasama SMK Sungai Besi akan mengadakan **Kejohanan Akuatik MSSWPKL 2024** pada **14 hingga 16 April 2025** di **Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil**.

3. Justeru, setiap penyertaan akan dikenakan yuran penyertaan berdasarkan surat Makluman Kadar Bayaran Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Peringkat Daerah dan Negeri Serta Program Pembangunan JejakJuaraKL Sesi 2025/2026, No. Rujukan JPWPKL.600-4/2/28 Jld. 6 (71) bertarikh 16 Januari 2025. Mod pembayaran perlulah dibuat dengan menggunakan **CEK SAHAJA (online transfer adalah tidak dibenarkan)** kepada sekolah pengelola yang dilantik berdasarkan ketetapan yang berikut.

<b>Pengelola</b>	:	<b>SMK Sungai Besi</b>
<b>Nama Akaun</b>	:	<b>Sek Men Keb Sg Besi</b>
<b>No. Akaun</b>	:	<b>8000957210</b>
<b>Bank</b>	:	<b>CIMB Bank Berhad</b>
<b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>	:	<b>18 Mac 2025 (Selasa)</b>

4. Bersama-sama ini disertakan peraturan pertandingan dan kadar bayaran yuran penyertaan yang jelas menerangkan maksudnya untuk makluman dan tindakan daripada pihak tuan selanjutnya. Sebarang pertanyaan pihak tuan boleh menghubungi **Encik Abd Rashid bin Idris, Pengurus Pengelola Kejohanan Akuatik MSSWPKL 2024** melalui talian **03-90570334** atau **Puan Hasniza binti Mohamed Salehan, Penolong Pengarah, UPBM, SPMu, JPWPKL** melalui talian **03-40210761** atau emel **hasniza.salehan@moe.gov.my**.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**


Saya yang menjalankan amanah,

**(MEGAT AFFANDI BIN DATUK WIRA HAJI ISMAIL)**

**Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

## Paparan Google Site Kejohanan Akuatik MSSWPKL 2025

Maklumat berkaitan dengan kejohanan juga boleh didapati melalui pautan berikut : <https://sites.google.com/view/2025akuatikmsswpkl/home>



**PERATURAN AM KEJOHANAN AKUATIK MSSWPKL 2025**  
**PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN RENANG MSSWPKL**

**1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN:**

1.1 Kejohanan ini dijalankan mengikut undang-undang antarabangsa (*World Aquatics*) dan Peraturan-peraturan Am MSSM dan MSSWPKL.

**2. JENIS PERTANDINGAN:**

2.1 Kejohanan perseorangan dan berpasukan MSSWPKL

	<b>ACARA</b>	<b>LELAKI</b>			<b>PEREMPUAN</b>		
		<b>18</b>	<b>15</b>	<b>12</b>	<b>18</b>	<b>15</b>	<b>12</b>
<b>1</b>	<b>GAYA BEBAS</b>						
	50 M	X	X	X	X	X	X
	100 M	X	X	X	X	X	X
	200 M	X	X	X	X	X	X
	400 M	TERBUKA			TERBUKA		
<b>2</b>	<b>GAYA LENTANG</b>						
	50 M	X	X	X	X	X	X
	100 M	X	X	X	X	X	X
	200 M	X	X		X	X	
<b>3</b>	<b>GAYA DADA</b>						
	50 M	X	X	X	X	X	X
	100 M	X	X	X	X	X	X
	200 M	X	X		X	X	
<b>4</b>	<b>GAYA KUPU-KUPU</b>						
	50 M	X	X	X	X	X	X
	100 M	X	X	X	X	X	X
	200 M	X	X		X	X	
<b>5</b>	<b>RAMPAIAN PERSEORANGAN</b>						
	200 M	X	X	X	X	X	X
	400 M	TERBUKA			TERBUKA		
<b>6</b>	<b>RAMPAIAN BERGANTI-GANTI</b>						
	4 X 50 M			X			X
	4 X 100 M	X	X		X	X	
<b>7</b>	<b>GAYA BEBAS BERGANTI-GANTI</b>						
	4 X 50 M			X			X
	4 X 100 M	X	X		X	X	
	<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>	<b>15</b>	<b>12</b>	<b>15</b>	<b>15</b>	<b>12</b>
	<b>ACARA</b>	<b>18</b>		<b>15</b>		<b>12</b>	

Jumlah Acara: 88 acara (84 acara mengikut kumpulan umur dan 4 acara terbuka)

### **3. PENDAFTARAN PEMAIN DAN PEMBENTUKAN PASUKAN**

#### **3.1 Renang**

- 3.1.1 Tiap-tiap sekolah dibenarkan mendaftar 2 (dua) orang perenang sahaja bagi satu acara, termasuk acara terbuka.
- 3.1.2 Tiap-tiap sekolah dibenarkan mendaftar 1 (satu) pasukan sahaja bagi setiap acara berganti-ganti.

#### **3.2 Polo Air**

- 3.2.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 7 (tujuh) orang pemain.
- 3.2.2 Setiap sekolah hanya boleh menghantar satu pasukan polo air.

### **4. SISTEM PERTANDINGAN**

- 4.1 Sila rujuk Peraturan Am MSSM (Bilangan 10) dan Peraturan Pertandingan untuk Polo Air.
- 4.2 Susunan acara Renang dan Polo Air hendaklah mengikuti susunan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknik Akuatik MSSM.
  - 4.2.1 Semua acara renang dijalankan secara ‘time finals’.
  - 4.2.2 Permulaan akan menggunakan ‘one start rule’.
- 4.3 Penggantian – Sebarang penggantian tidak dibenarkan selepas tarikh tutup dalam pertandingan Renang.
- 4.4 Acara Terbuka – Peserta-peserta dari kumpulan umur 12 tahun ke bawah tidak dibenarkan menyertai acara-acara Terbuka.
- 4.5 Semua atlet hanya boleh bertanding mengikut kategori umur yang ditetapkan.

### **5. CARA MEMBUAT KEPUTUSAN**

#### **5.1 Renang**

- 5.2 Cara untuk memutuskan Johan Individu bagi setiap kumpulan umur adalah seperti berikut: 5.2.1

TEMPAT	MATA
Pertama	12
Kedua	8
Ketiga	4
Keempat	2
Kelima	1

- 5.2.2 Tambahan 4 mata akan diberikan kepada setiap perenang yang memecahkan rekod.
- 5.2.3 Mata yang diperoleh dalam acara terbuka tidak dikira untuk memutuskan Johan Individu.

5.3 Cara untuk memutuskan pemenang lelaki dan perempuan yang cemerlang adalah seperti berikut:

- 5.3.1 Perenang yang memecahkan rekod kejohanan yang terbanyak (Johan sahaja).
- 5.3.2 Perenang yang memecahkan rekod yang paling lama (lama kekal) jika dua atau lebih perenang memecahkan jumlah rekod yang sama (Johan sahaja).
- 5.3.3 Hadiah perenang cemerlang hanya akan diberikan jika terdapat penaja untuk hadiah tersebut.

#### 5.4 Polo Air

- 5.4.1 Dijalankan secara liga.
- 5.4.2

Menang	:	3 mata
Seri	:	1 mata
Kalah	:	0 mata

5.4.3 Jika terdapat lebih satu pasukan mempunyai mata yang sama, pemenang akan ditentukan seperti berikut:

- 5.4.3.1 Pasukan yang mendapat jumlah perbezaan gol yang lebih akan dikira sebagai pemenang.
- 5.4.3.2 Jika seri, pasukan yang mendapat lebih jaringan gol akan dikira sebagai pemenang.
- 5.4.3.3 Jika seri, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira sebagai pemenang.
- 5.4.3.4 Jika seri, balingan penalti akan dijalankan.
- 5.4.3.5 Jika seri, balingan penalti secara '*sudden death*' akan dijalankan.

#### 5.4.4 Sistem Balingan Penalti

- 5.4.4.1 Setiap pasukan akan mengambil 5 balingan secara berselang-seli mengikut Undang-undang *World Aquatics*.
- 5.4.4.2 Jika seri, balingan akan diambil oleh pemain-pemain yang belum lagi melakukan balingan dan akan dijalankan secara '*sudden death*'.
- 5.4.4.3 Pengadil akan menentukan gol yang akan digunakan untuk balingan penalti.
- 5.4.4.4 Undian akan dibuat untuk menentukan pasukan yang akan mula melakukan balingan.
- 5.4.4.5 Hanya seorang sahaja guru yang dibenarkan bertindak sebagai jurulatih dan berada di tepi kolam semasa pertandingan sedang berlangsung.

### 6. PAKAIAN

Sila rujuk Undang-undang *World Aquatics*.

### 7. GELANGGANG/KOLAM/ALATAN

Sila rujuk Undang-undang *World Aquatics*.

## **8. ALATAN**

Sila rujuk Undang-undang *World Aquatics*.

## **9. KELEWATAN**

### **9.1 Renang**

Tiap-tiap peserta hendaklah melaporkan diri kepada Penyelia Peserta sekurang-kurangnya sepuluh (10) minit sebelum acaranya bermula. Jika tidak, penyertaannya dalam acara tersebut akan dibatalkan.

### **9.2 Polo air**

Pasukan yang lewat lebih daripada sepuluh (10) minit akan dikira kalah dan pasukan lawan akan diberi kemenangan percuma dengan jaringan 5 – 0.

## **10. MENARIK DIRI**

- 10.1 Tidak ada pertukaran dan penarikan diri (*scratching*) dibenarkan selepas mesyuarat Pengurus Pasukan.
- 10.2 Peserta yang menarik diri dari pertandingan dalam mana-mana acara dia didaftarkan selepas mesyuarat pengurus pasukan akan dibatalkan penyertaannya untuk semua acara berikutnya sepanjang kejohanan.
- 10.3 Sekiranya peserta menarik diri atas sebab-sebab kesihatan, peserta berkenaan perlu mendapatkan sijil perubatan daripada pegawai perubatan yang bertauliah dan berdaftar untuk hari tersebut dan tidak dibenarkan menyertai mana-mana acara seterusnya untuk hari tersebut.

## **11. BANTAHAN**

Sila rujuk Peraturan Am MSSM (Bilangan 12).

Bantahan bertulis yang ditandatangani oleh pengurus pasukan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Pengelola atau wakilnya tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit selepas keputusan rasmi diumumkan dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (RINGGIT MALAYSIA DUA RATUS SAHAJA) bagi acara individu dan RM 300.00 (RINGGIT MALAYSIA TIGA RATUS SAHAJA) bagi acara berpasukan. Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tidak berasas.

## **12. JURI RAYUAN**

- 12.1 Ahli Juri Rayuan adalah seperti berikut:
  - a. Pengerusi Jawatankuasa Pengelola
  - b. Pengurus Kejohanan
  - c. Referi
  - d. 4 orang Pengurus Pasukan MSSN yang berdaftar yang tidak terlibat dalam Jawatankuasa Bantahan
  - e. Setiausaha Jawatankuasa Pengelola Kejohanan (Tidak ada kuasa mengundi)

### **13. LEMBAGA TATATERTIB**

Sila rujuk Peraturan Am MSSM (Bilangan 14)

### **14. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Sila rujuk Peraturan Am (19) MSSM.

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am MSSM dan Peraturan Kejohanan Akuatik akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan dan keputusan adalah muktamad.

Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas kehilangan barang-barang atau harta benda kepunyaan pegawai atau peserta di dalam kawasan kejohanan atau asrama dan sebarang kemalangan, kecederaan atau kematian semasa kejohanan berlangsung. Walau bagaimanapun, persediaan akan dibuat bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian seperti di atas.

### **15. PENYAMPAIAN HADIAH**

Semua pemenang hadiah hendaklah melaporkan diri kepada Pengawas Hadiah apabila upacara penyampaian hadiah diumumkan. Jika seseorang pemenang hadiah tidak melaporkan diri kerana sesuatu sebab, Pengurus Pasukan yang berkenaan hendaklah menghantar seorang peserta yang lain untuk menerima hadiah bagi pihak peserta tersebut. Semua pemenang mesti berpakaian kemas dengan memakai kasut serta pakaian ‘track suit’ sekolah / pakaian sukan sekolah yang lengkap (seluar panjang).

## **KEJOHANAN AKUATIK MSS WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

### **PERATURAN AM**

#### **1. PENDAFTARAN LEWAT**

Peserta perlu mendaftar di bilik marshal bila acara dipanggil dan bukan pada masa acara tersebut dijalankan. Pendaftaran lewat tidak akan dilayan.

#### **2. PEMBATALAN ACARA**

Sebarang pembatalan acara mesti diiringi dengan surat tunjuk sebab seperti sijil sakit mesti dihantar kepada urus setia di bilik kawalan (control room) pada pagi kejohanan sebelum acara pertama bermula.

#### **3. PENGURUS PASUKAN**

Sebarang urusan hendaklah dijalankan menerusi pengurus pasukan sekolah tersebut. Jurulatih dan ibu bapa diminta bekerjasama dan mendapatkan bantuan pengurus pasukan untuk membuat sebarang rayuan, bantahan dan aduan.

#### **4. PAKAIAN**

4.1 Swimsuits for men may not extend above the navel or below the knee and for women may not cover the neck, extend past the shoulder or extend below the ankle.

4.2 No zippers or other fastening system is allowed.

4.3 No additional items, like taping or plaster.

### **DISEDIAKAN OLEH JAWATANKUASA TEKNIKAL AKUATIK MSSWPKL**

## **BAYARAN**

SUKAN AKUATIK	
Acara Individu	RM 10
Acara Berganti-ganti	RM 40
Polo Air	RM 50

**KEJOHANAN AKUATIK MSSWPKL 2025 - 14/4/2025 to 15/4/2025****Event List-By Event Number**

<b>Event #</b>	<b>Event Name</b>	<b>Event #</b>	<b>Event Name</b>
101	Girls 400 Freestyle Open	204	Boys 7-12 100 Breaststroke B12
102	Boys 400 Freestyle Open	205	Girls 13-15 100 Breaststroke B15
103	Girls 7-12 100 Backstroke B12	206	Boys 13-15 100 Breaststroke B15
104	Boys 7-12 100 Backstroke B12	207	Girls 16-18 100 Breaststroke B18
105	Girls 13-15 100 Backstroke B15	208	Boys 16-18 100 Breaststroke B18
106	Boys 13-15 100 Backstroke B15	209	Girls 7-12 200 Freestyle B12
107	Girls 16-18 100 Backstroke B18	210	Boys 7-12 200 Freestyle B12
108	Boys 16-18 100 Backstroke B18	211	Girls 13-15 200 Freestyle B15
109	Girls 7-12 50 Freestyle B12	212	Boys 13-15 200 Freestyle B15
110	Boys 7-12 50 Freestyle B12	213	Girls 16-18 200 Freestyle B18
111	Girls 13-15 50 Freestyle B15	214	Boys 16-18 200 Freestyle B18
112	Boys 13-15 50 Freestyle B15	215	Girls 7-12 50 Backstroke B12
113	Girls 16-18 50 Freestyle B18	216	Boys 7-12 50 Backstroke B12
114	Boys 16-18 50 Freestyle B18	217	Girls 13-15 50 Backstroke B15
115	Girls 13-15 200 Breaststroke B15	218	Boys 13-15 50 Backstroke B15
116	Boys 13-15 200 Breaststroke B15	219	Girls 16-18 50 Backstroke B18
117	Girls 16-18 200 Breaststroke B18	220	Boys 16-18 50 Backstroke B18
118	Boys 16-18 200 Breaststroke B18	221	Girls 13-15 200 Butterfly B15
119	Girls 7-12 50 Butterfly B12	222	Boys 13-15 200 Butterfly B15
120	Boys 7-12 50 Butterfly B12	223	Girls 16-18 200 Butterfly B18
121	Girls 13-15 50 Butterfly B15	224	Boys 16-18 200 Butterfly B18
122	Boys 13-15 50 Butterfly B15	225	Girls 7-12 100 Freestyle B12
123	Girls 16-18 50 Butterfly B18	226	Boys 7-12 100 Freestyle B12
124	Boys 16-18 50 Butterfly B18	227	Girls 13-15 100 Freestyle B15
125	Girls 7-12 200 IM B12	228	Boys 13-15 100 Freestyle B15
126	Boys 7-12 200 IM B12	229	Girls 16-18 100 Freestyle B18
127	Girls 13-15 200 IM B15	230	Boys 16-18 100 Freestyle B18
128	Boys 13-15 200 IM B15	231	Girls 7-12 4x50 Medley B12 Relay
129	Girls 16-18 200 IM B18	232	Boys 7-12 4x50 Medley B12 Relay
130	Boys 16-18 200 IM B18	233	Girls 13-15 4x100 Medley B15 Relay
131	Girls 7-12 100 Butterfly B12	234	Boys 13-15 4x100 Medley B15 Relay
132	Boys 7-12 100 Butterfly B12	235	Girls 16-18 4x100 Medley B18 Relay
133	Girls 13-15 100 Butterfly B15	236	Boys 16-18 4x100 Medley B18 Relay
134	Boys 13-15 100 Butterfly B15		
135	Girls 16-18 100 Butterfly B18		
136	Boys 16-18 100 Butterfly B18		
137	Girls 7-12 50 Breaststroke B12		
138	Boys 7-12 50 Breaststroke B12		
139	Girls 13-15 50 Breaststroke B15		
140	Boys 13-15 50 Breaststroke B15		
141	Girls 16-18 50 Breaststroke B18		
142	Boys 16-18 50 Breaststroke B18		
143	Girls 13-15 200 Backstroke B15		
144	Boys 13-15 200 Backstroke B15		
145	Girls 16-18 200 Backstroke B18		
146	Boys 16-18 200 Backstroke B18		
147	Girls 7-12 4x50 Freestyle B12 Relay		
148	Boys 7-12 4x50 Freestyle B12 Relay		
149	Girls 13-15 4x100 Freestyle B15 Relay		
150	Boys 13-15 4x100 Freestyle B15 Relay		
151	Girls 16-18 4x100 Freestyle B18 Relay		
152	Boys 16-18 4x100 Freestyle B18 Relay		
201	Girls 400 IM		
202	Boys 400 IM		
203	Girls 7-12 100 Breaststroke B12		